

27/08/2003

Menyebelahi anak antara punca salah laku berterusan

Syuhada Choo Abdullah

SIKAP ibu bapa suka menyebelahi anak apabila pihak sekolah mengadu mengenai masalah disiplin adalah antara faktor menyebabkan salah laku pelajar berterusan dan semakin serius, kata Presiden Kongres Dalam Perkhidmatan Pendidikan (Kongres), Prof Madya Dr Abd Rahman Daud.

Beliau yang juga Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) berkata, keadaan itu menyebabkan pihak sekolah berasa tidak dihargai lalu mengambil konsep `lepas tangan' terhadap perkara berkenaan.

Justeru bagi mengelakkan masalah disiplin pelajar berlarutan dan semakin serius, beliau berkata, pengetua, guru dan ibu bapa perlu bekerjasama mengawasi gerak-geri pelajar, sekali gus berikhtiar mengatasi gejala negatif yang mungkin berlaku.

Katanya, kegiatan jenayah serta budaya samseng di sekolah seperti yang dilaporkan baru-baru ini membimbangkan kerana walaupun kejadian seumpamanya pernah berlaku sebelum ini, tahap kesalahannya tidak berbahaya seperti sekarang.

"Salah satu punca utama gejala berkenaan ialah pergaulan dengan rakan sebaya. Berdasarkan psikologi pendidikan, pelajar lebih mudah dikawal pada peringkat sekolah rendah. Bagaimanapun, apabila mereka meningkat remaja, pelbagai masalah akan timbul.

"Pada usia berkenaan, pendapat mereka saja yang betul. Pada masa inilah mereka berpendapat boleh melakukan apa saja tanpa memikirkan baik dan buruknya.

"Rakan sebaya pula dari pelbagai tempat, iaitu bandar, luar bandar, pedalaman dan negeri, selain berbeza latar belakang keluarga kaya, miskin dan sederhana. Semua pelajar ini belajar di bawah satu bumbung. Justeru, dalam keadaan ini pelbagai kemungkinan boleh berlaku," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Selain itu, Dr Abd Rahman berkata, masalah keluarga serta keadaan sekolah yang tidak merangsang proses pengajaran dan pembelajaran turut menjadi punca berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar.

Dalam konteks ini, beliau berkata, persoalan status keluarga sama ada golongan atasan atau sederhana tidak timbul kerana ada pelajar dari keluarga berada begitu berdisiplin dan menghormati orang lain, bagaimanapun tidak kurang yang sebaliknya.

Dalam hal ini, katanya, apa yang penting keluarga mendidik pelajar sejak kanak-kanak dan memantau perkembangannya hingga remaja dan tidak menyerahkan tanggungjawab berkenaan hanya kepada guru apabila memasuki sekolah berasrama.

Bagaimanapun, katanya, peranan pengetua serta guru juga amat penting dan mereka perlu segera mengambil tindakan jika tingkah laku pelajar mencurigakan.

"Pengetua hendaklah bersikap lebih tegas. Ketika saya bersekolah sekitar tahun 60-an, pelajar yang didapati merokok, dihukum tiga sebatan di punggung dan digantung belajar selama tiga minggu.

"Saya dapati pelajar itu insaf dan kini memegang jawatan tinggi dalam kerajaan.

"Tindakan pengetua pula seharusnya mendapat sokongan padu pejabat pendidikan daerah, jabatan pendidikan negeri dan Kementerian Pendidikan," katanya.

Di samping itu, Dr Abdul Rahman berkata, masyarakat juga perlu memainkan peranan, contohnya membuat aduan kepada polis dan sekolah jika mendapati

ada pelajar terbabit dalam kumpulan haram, gangsterisme atau samseng.

"Namun apa yang berlaku sekarang, masyarakat beranggapan tidak perlu menjaga tepi kain orang. Inilah masalah masyarakat hari ini yang berlumba-lumba mencari kekayaan sehingga tidak mempedulikan orang lain," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia, Yahaya Zakaria, bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa filem di pasaran kini mengandungi elemen ganas dan tidak sesuai ditonton pelajar.

Bagaimanapun, katanya, perkara berkenaan sukar dihalang kerana jika tidak menonton televisyen, pelajar boleh membeli cakera padat video atau 'down load' daripada Internet di rumah atau kafe siber.

"Sehubungan itu, ibu bapa perlu mengawasi anak sepanjang masa, menyediakan jadual waktu harian di rumah, sentiasa bersama, memberi didikan agama mencukupi dan menjadi contoh," katanya.